

## Tubuh koperasi kariah masjid

**LIPIS 21 Mei** - Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (Angkasa) akan membantu lebih 6,000 masjid dan surau di seluruh negara menubuhkan koperasi kariah masjid dalam usaha memantapkan ekonomi umat Islam.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, jika semua masjid dan surau menubuhkan koperasi, sebanyak RM34.4 juta modal asas terkumpul sekali gus mampu merangsang ekonomi setempat.

Bagaimanapun, katanya, statistik terkini Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menunjukkan hanya kira-kira 500 koperasi kariah masjid ditubuhkan melibatkan lebih 26,000 ahli di seluruh negara.

"Angkasa komited membantu jawatankuasa masjid menubuhkan koperasi kerana sesuai dijadikan model bagi menjana pendapatan dan membantu penduduk setempat meraih pendapatan menerusi pelbagai aktiviti ekonomi.

"Koperasi kariah masjid boleh menumpukan kepada aktiviti pengeluaran produk halal untuk keperluan umat Islam sendiri yang sebelum ini dimonopoli tanpa sedar oleh bukan Islam," katanya selepas Majlis Iftar Ramadan Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Negeri



**ABDUL FATTAH ABDULLAH (kanan) menyampaikan sumbangan duit raya kepada wakil anak-anak yatim, Nor Izar Mohd. Zain (kiri) dalam Majlis Iftar Ramadan di Lipis, Pahang, kelmarin. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD**

(JPAN) Pahang Zon 3 dan Jawatankuasa Kariah Masjid Sultan Mahmud Lipis di sini semalam.

Yang hadir sama Pengerusi JPAN Pahang Zon 3, Datuk Syed Ali Syed Mohammad; Naib Presiden Angkasa, Mohamad Azmi Omaruddin dan Pengurus Besar Bahagian Sekretariat Angkasa, Halim Ibrahim.

Menurut Abdul Fattah, terdapat koperasi kariah masjid menunjukkan pencapaian baik antaranya Koperasi kariah Masjid As Salam Puchong Perdana Berhad, Koperasi Masjid Al-Hasanah, Koperasi Kariah Masjid

Al-Azim Pandan Indah, Koperasi Kariah Al-Quddus Kota Bharu Berhad dan Koperasi Kariah Masjid Jamek Kuala Selangor.

Melihat potensi besar yang dimiliki koperasi masjid, kata beliau, Angkasa berhasrat untuk membangunkan koperasi masjid secara menyeluruh dan mahukan setiap masjid menubuhkan koperasi.

"Antara bidang perniagaan yang boleh diceburi koperasi berkenaan meliputi sektor hartanah, peruncitan, pelancongan, dialisis dan produk halal keperluan masyarakat setempat," katanya.